



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications & Multimedia Commission  
No.26-2, Aras 3, Bangunan Kota Cemerlang,  
Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka  
MALAYSIA



22

PENGARAH	
<input type="checkbox"/> PENGARAH	<input type="checkbox"/> KSPI
<input type="checkbox"/> TIMBALAN PENGARAH	<input type="checkbox"/> KSPS/K
<input type="checkbox"/> KSJK	<input type="checkbox"/> KSPsK
<input type="checkbox"/> KSPA	<input type="checkbox"/> PPD MELAKA TENGAH
<input type="checkbox"/> KSPS	<input type="checkbox"/> PPD ALOR GAJAH
<input type="checkbox"/> KSK2P	<input type="checkbox"/> PPD JASIN
<input type="checkbox"/> KSPPP	<input type="checkbox"/> BTPN
<input checked="" type="checkbox"/> KSMICT	
<input type="checkbox"/> KSPK	

---

<input checked="" type="checkbox"/> SAYA HADIR	 7/9
<input type="checkbox"/> SILA WAKIL SAYA	
<input type="checkbox"/> SILA HADIR	
<input checked="" type="checkbox"/> UNTUK PERHATIAN & TINDAKAN	
<input type="checkbox"/> MAKLUMBALAS	
<input type="checkbox"/> SEGERA	
<input type="checkbox"/> LAIN-LAIN	

NOTA:

Ruj. kami : SKMM(T)05-MBO/20/GENERAL\_18/ Jld 4. (14)  
Tarikh : 6 September 2018

### Senarai Edaran 1



Tuan,

### KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN DI PUSAT INTERNET MALAYSIA (PIM)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)** Wilayah Selatan melalui **Pejabat Negeri Melaka** berhasrat untuk meneruskan usaha kerjasama strategik berterusan bersama **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka** melalui pembangunan modal insan dan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) secara berterusan melalui kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di **Pusat Internet Malaysia (PIM)**.

3. Pusat Internet Malaysia(PIM) merupakan salah satu projek MCMC di bawah inisiatif **Program Pemberian Perkhidmatan Sejangat (USP)** yang bermula sejak tahun 2007. Objektif penubuhan adalah untuk memberikan akses internet secara kolektif di kawasan kurang liputan dan penduduk berpendapatan rendah, menawarkan latihan dan program berasaskan ICT, keusahawanan, dan multimedia, meningkatkan taraf sosio - ekonomi & modal insan masyarakat luar bandar, dan merapatkan jurang digital di antara masyarakat bandar dan luar bandar.

4. Sebanyak **29 PIM** telah beroperasi di seluruh Melaka. Selain disediakan dengan program-program latihan ICT khususnya, kakitangan PIM yang terdiri daripada Pengurus dan Penolong Pengurus juga merupakan agen dalam menyampaikan inisiatif - inisiatif MCMC seperti program advokasi **Klik Dengan Bijak (KDB)**, **Sisa Elektronik E - Waste**, **portal Sebenarnya.my**, **Check Your Label (CYL)** dan lain - lain. Selain itu, terdapat beberapa PIM yang mempunyai mempunyai peralatan set Arduino yang boleh digunakan untuk pembelajaran dan meningkatkan pengetahuan IT dikalangan masyarakat.

5. Oleh yang demikian, pihak kami amat mengalu - alukan warga Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, dan pelajar sekolah menggunakan kemudahan PIM untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran.

6. Bersama surat ini dilampirkan maklumat terperinci mengenai PIM ('info pack'), bahan - bahan promosi mengenai inisiatif - inisiatif MCMC dan kesedaran penggunaan media sosial sebagai rujukan warga Jabatan/Pejabat/Sekolah. Sebarang urusan bagi penggunaan kemudahan di PIM, pihak tuan boleh menghubungi terus PIM seperti di maklumat yang disediakan.

7. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung pegawai **Encik Mohammad Arif Haron** di talian **06 - 235 9203** atau emel ke **mdarif.haron@cmc.gov.my**.

8. Kerjasama dan sokongan daripada pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**HAIRUDIN MOHD ZIN**

Ketua

Pejabat Negeri Melaka

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

s.k. Ketua Wilayah  
Pejabat Wilayah Selatan  
Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia  
Suite 7A, Aras 7, Jalan Trus,  
Menara Ansar,  
80000 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim

YB Kerk Chee Yee  
Exco Komunikasi, Multimedia, Belia, & Sukan Negeri Melaka  
Jabatan Ketua Menteri Melaka,  
Aras 2, Blok Bendahara,  
Kompleks Seri Negeri Hang Tuah Jaya,  
75450 Ayer Keroh, Melaka